



GARIS PANDUAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DI UPM KAMPUS SERDANG SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) 14 OKTOBER 2020 HINGGA 27 OKTOBER 2020

Tujuan

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai prosedur kesinambungan perkhidmatan di Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang wajib dipatuhi oleh semua staf UPM berkuat kuasa mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020.

Latar Belakang

2. Selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN), YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan telah membuat pengumuman pada 12 Oktober 2020, bahawa Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020, di negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19. Antara arahan yang diputuskan adalah supaya semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ditutup dalam tempoh tersebut.

Garis Panduan UPM

3. Selaras dengan arahan tersebut, Pihak Pengurusan Universiti memutuskan untuk menutup semua premis UPM Kampus Serdang mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- 3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menyediakan perkhidmatan kritikal seperti **Hospital Pengajar UPM, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan Universiti, dan Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** dikehendaki bersiap siaga dan beroperasi seperti biasa. Walau bagaimanapun Ketua PTJ boleh, jika keadaan membenarkan, mengurangkan tenaga sumber manusia yang perlu bertugas dengan syarat tidak menjejaskan perkhidmatan kritikal itu;
- 3.2 Pusat Tanggungjawab lain yang juga sebahagiannya terlibat dengan perkhidmatan kritikal seperti **Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC)** (contoh: untuk memastikan rangkaian UPM tidak

tergendala), **Pejabat Pendaftar** (contoh: urusan kenaikan gaji tahunan dan perhubungan staf), **Pejabat Bursar** (contoh: untuk urusan gaji dan perolehan darurat), **Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset** (contoh: untuk urusan penyenggaraan darurat dan sebagainya), **Putra International Centre** (contoh: urusan pembaharuan pas pelajar), **Taman Pertanian Universiti** (contoh: memastikan makanan ternakan berjalan lancar dan kerja-kerja darurat pemotongan pokok tumbang), **Pusat Islam Universiti** (contoh: pengurusan jenazah), dan **Hospital Veterinar**, Ketua PTJ hendaklah mengatur supaya staf yang perlu menjalankan tugas berkenaan dikehendaki bertugas secara fizikal di kampus seperti biasa supaya urusan dan perkhidmatan kritikal dan sistem penyampaian tidak terjejas sepenuhnya;

- 3.3 Pusat Tanggungjawab yang mempunyai urusan kritikal sahaja yang dibenarkan untuk mendapat kebenaran Ketua PTJ untuk berada di premis pejabat/bertugas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Ketua PTJ hendaklah memaklumkan Pengarah Keselamatan tentang kebenaran itu untuk tujuan kawalan. Surat kebenaran tersebut perlu disalinkan melalui emel kepada Bahagian Keselamatan Universiti (bku@upm.edu.my), Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (mohdrafee@upm.edu.my) serta Pejabat Pendaftar (pendaftar@upm.edu.my). Walau bagaimanapun, Ketua PTJ boleh mengarahkan staf bertugas dari rumah dan staf itu hendaklah patuh kepada arahan tersebut. Staf yang bekerja di rumah perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang berkuat kuasa;
- 3.4 Kehadiran bekerja sama ada bekerja di pejabat atau bekerja dari rumah perlu merakamkan kehadiran masuk dan keluar dalam Sistem Perakam Waktu pada setiap hari dengan menggunakan pautan (link) yang sama <http://perakamwaktu.upm.edu.my>.
- 3.5 Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) dikehendaki menjadualkan semula perkhidmatan kontrak seperti pemotongan rumput, pencucian di Bangunan Canselori Putra dan kontrak-kontrak lain supaya dapat meminimumkan keberadaan pekerja kontrak di dalam kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Walau bagaimanapun, PPPA hendaklah memastikan kerja-kerja penyenggaraan dan membaik pulih yang kritikal berjalan lancar seperti biasa;
- 3.6 Surat kebenaran arahan menjalankan tugas adalah seperti di lampiran.
- 3.7 Tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas mana-mana staf yang ingkar untuk mematuhi garis panduan ini.

4. Semoga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan langkah-langkah yang diambil oleh warga UPM ini dapat membendung penularan wabak COVID-19 sekali gus membantu Kerajaan mengawal dan mengatasi isu ini.

Tarikh Kuatkuasa

5. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 di semua Pusat Tanggungjawab di UPM Kampus Serdang.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

Naib Canselor

13 Oktober 2020